

MASYARAKAT DAN PROTES DI FILIPINA SEMASA REJIM MARCOS, 1960an -1970an

Hanafi Hussin

PENDAHULUAN

Negara Filipina di bawah pemerintahan Marcos tidak begitu stabil. Di bawah regim tersebut banyak tunjuk perasaan dan rusuhan telah diadakan. Dikatakan bahawa peristiwa ini merupakan gerakan kesedaran sosio-politik. Peristiwa ini berlaku kerana pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan telah mengabaikan masyarakat massa Filipina secara keseluruhannya. Ianya diburukkan lagi dengan kerajaan yang rasuah dan juga pihak Amerika yang masih lagi mempengaruhi pentadbiran dan perekonomian Filipina. Keadaan ini telah melahirkan beberapa 'isme' yang mencengkam rakyat Filipina iaitu fasisme, kapitalisme birokrat dan neo-kolonialisme. Ini mengakibatkan rakyat bangun menentang kerajaan khususnya Marcos. Untuk mengatasi penentangan rakyat, pihak kerajaan telah menggunakan kekuatan tentera dan polis.

Penentangan oleh masyarakat Filipina secara amnya adalah berasaskan kepada tiga 'isme' tersebut. Gerakan kesedaran sosio-politik pada dekad 1960-an ini diketuai oleh golongan pelajar. Gerakan kesedaran yang awal ini bertujuan menyedarkan golongan masyarakat massa bahawa masanya telah tiba untuk mereka bertindak bagi mendapatkan hak mereka sebagai warganegara yang merdeka. Perkembangan yang berlaku ini boleh disifatkan sebagai nasionalisme sesudah kemerdekaan.

Gerakan nasionalisme yang berlaku ini bukanlah gerakan menentang kuasa kolonial. Ia merupakan penentangan ke atas kerajaan tempatan di bawah pimpinan Marcos yang dikatakan masih belum dapat menjalankan pentadbiran dengan berkesan. Kerajaan tidak dapat membangunkan ekonomi negara dengan jayanya dan kesannya tertimpa ke atas masyarakat. Masyarakat yang kaya terus menjadi kaya dan yang miskin terus melarat. Kemerdekaan yang dicapai oleh mereka tidak dinikmati sepenuhnya. Filipina masih bergantung harap dengan bekas penjajahnya iaitu Amerika, baik dalam bidang ekonomi, ketenteraan mahupun bidang sosio-budaya. Fenomena ini menjadikan Filipina seolah-olah masih dijajah oleh Amerika iaitu yang dikatakan penjajahan dalam bentuk yang baru yang dipanggil sebagai neo-kolonialisme. Justeru itu, gerakan nasionalisme ini juga adalah gerakan anti-Amerika.

Gerakan kesedaran sosio-politik ini juga diikuti dengan tunjuk perasaan atau demonstrasi yang kadang-kadang di akhiri dengan perarakan ke Kedutaan Amerika. Puncak gerakan berlaku antara tahun 1969-1972 di mana gerakan ini menjadi lebih radikal kerana turut dianggotai oleh berbagai pertubuhan seperti kesatuan sekerja, pertubuhan petani dan juga pertubuhan komunis Filipina. Demonstrasi-demonstrasi pada tahap ini juga dikatakan radikal kerana berlakunya pertempuran dengan pihak polis.

KEBANGKITAN SEMANGAT NASIONALISME TAHUN 1960an

Di kebanyakan negara-negara Asia, nasionalisme adalah sentimen untuk menunjukkan hasrat masyarakat hidup dalam kebebasan politik bagi memperbaiki kehidupan sosial dan ekonomi serta menjaga kepentingan-kepentingan mereka. Secara umumnya nasionalisme adalah suatu pertahanan: mempertahankan dalam erti kata melindungi apa yang diperolehi oleh masyarakat seperti perpaduan, kebudayaan, kesejahteraan, kemuliaan kebangsaan (*national dignity*), kebebasan dan kemerdekaan dari tangan penjajah.¹ Walau bagaimanapun nasionalisme selepas kerajaan kolonial adalah perjuangan masyarakat menentang kerajaan sendiri yang melupakan hak mereka sebagai warganegara yang merdeka, juga mewakili perjuangan menentang neo-kolonialisme. Keadaan begini boleh dilihat di Filipina di mana nasionalisme telah melalui beberapa peringkat mengikut peredaran masa dan suasana yang wujud. Teodoro A. Agoncillo telah membahagikan nasionalisme Filipina kepada beberapa tahap.

In the Philippines, nationalism has several stages: the first, from approximately 1850 to 1872, may be described as the awakening; the second, from approximately 1872 to 1876, may be called the Reform movement; the third, from 1896 to about 1901, the revolutionary period; the fourth, from about 1901 to 1910, the era of passive or 'suppressed' nationalism; the fifth, from 1910 to 1921, the 'Filipinization' period; the sixth, from 1921 to 1934, the period of independence missions; the seventh from 1935 to the outbreak of the war in the Pacific in 1941, the period of commonwealth; the eighth, from 1942 to 1945, the Japanese occupation period and the ninth, from 1950 to the present, may be described as the reawakening.²

Daripada pembahagian tahap tersebut perkembangan semangat nasionalisme pada tahun 1960 an adalah satu kebangkitan semula. Nasionalisme yang berkembang pada masa ini adalah nasionalisme terhadap kebudayaan, politik, ekonomi dan juga keagamaan.

Semasa pemerintahan Sepanyol selama lebih dari 350 tahun, masyarakat Filipina telah berusaha mencari identiti nasional mereka. Bahasa misalnya, selepas revolusi 1896, masyarakat Filipina telah mengambil keputusan bahawa bahasa Tagalog dijadikan sebagai bahasa utama di Filipina. Walau bagaimanapun setelah kemasukan Amerika dan mengadakan dasar Amerikanisasi terhadap masyarakat Filipina dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dan bahasa penghantar di setiap lapangan dan ini telah mengabaikan bahasa Tagalog sebagai bahasa utama. Keadaan ini berlarutan walaupun Filipina telah mencapai kemerdekaan.

Atas dasar inilah bahasa Tagalog telah diperjuangkan agar mendapat tempat yang sewajarnya di Filipina. Dengan itu kebangkitan semangat nasionalisme pada awal tahun 1960-an, bahasa Tagalog merupakan salah satu yang diperjuangkan. Misalnya, pada tahun 1961 *Socio-Cultural Association of the University of the Philippines* (SCAUP) telah ditubuhkan dengan cita-cita untuk menghapuskan kemunduran dan menaikkan kesedaran politik dan melaungkan agar kepentingan nasional sepatutnya di dahulukan.³ Dengan mengagungkan bahasa Tagalog mereka akan dapat mengembalikan martabat bangsa kegemilangan kebudayaan mereka. Oleh itu gesaan menggunakan bahasa Tagalog dalam apa jua urusan seharian telah dilakukan. Begitu juga dalam bidang seni dan sastera seperti puisi, esei-esei dan sebagainya telah digalakkan menggunakan bahasa Tagalog. Dengan galakkan dan

gesaan penggunaan bahasa Tagalog maka masyarakat mula mengharapkan perubahan-perubahan dalam segala aktiviti yang melibatkan bahasa Tagalog. Akibatnya aktiviti-aktiviti yang melibatkan bahasa Inggeris mula kurang digemari.

Nasionalisme ekonomi pula bersangkutan dengan perjuangan untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat. Kehidupan masyarakat Filipina masih lagi di tahap lama walaupun telah lama mencapai kemerdekaan. Jurang perbezaan di antara golongan kaya dan miskin di Filipina terlalu ketara. Keadaan yang tidak seimbang ini disebabkan oleh beberapa perkara, antaranya ialah pengaruh sistem kapitalisme itu sendiri yang menggalakkan masyarakat mengejar kekayaan. Mereka yang bermodal besar lebih mudah mengadakan hubungan dengan pelabur-pelabur dari luar. Oleh itu, faktor pelabur juga memainkan peranan yang penting dalam memburukkan lagi keadaan. Pelabur-pelabur asing mengaut keuntungan yang besar. Maka kekayaan yang sebenar dikecapi oleh golongan ini.

Dari keadaan yang tidak seimbang ini maka tumbuh semangat kesedaran di kalangan penduduk. Semangat perjuangan ini ditujukan kepada masyarakat Filipina agar sedar dan berusaha untuk membangunkan negara mereka. Bagi masyarakat kontemporari Filipina, nasionalisme bermaksud peluang untuk berdikari, peluang menikmati kekayaan alam semulajadi negara mereka untuk kebajikan rakyatnya.⁴ Dengan tercapai segalanya itu dapatlah mereka membentuk satu masyarakat yang stabil serta menguasai ekonomi, tanpa menyerahkan maruah diri kepada kuasa asing.

Kongkongan ekonomi pihak pelabur asing, khususnya Amerika, membayangkan satu penjajahan dalam bentuk yang baru yang dipanggil neo-kolonialisme. Penentangan yang dilakukan oleh masyarakat Filipina terhadap hal ini adalah nasionalisme menentang neo-kolonialisme atau nasionalisme ekonomi. Konsep nasionalisme ekonomi telah difokuskan kembali melalui pengenalan secara tegas hak nasional melebihi hak yang tidak nasional dalam pengagihan kekayaan dan pemilikan serta penguasaan kekayaan.⁵ Nasionalisme ekonomi bagi negara membangun bukanlah bermaksud untuk menutup pintu negara mereka daripada kemasukan usahawan-usahawan asing atau pendirian industri-industri asing, cuma perkara atau tindakan yang perlu dilakukan ialah batasan-batasan harus dikenakan ke atas modal asing bagi mengimbangkan ekonomi negara.⁶

Oleh kerana kurangnya batasan-batasan ke atas penguasaan Amerika menyebabkan bidang ekonomi negara Filipina menjadi tidak menentu. Keadaan menjadi lebih ketara lagi apabila pada penghujung tahun 1960 an Presiden Marcos menjalankan dasar pengapungan ke atas peso dalam hubungannya dengan dolar Amerika. Harga barangan-barangan lain dan komoditi terutamanya yang diimpot naik mendadak. Beberapa buah kilang telah membuang pekerja-pekerja mereka, kos pengangkutan naik dan urusniaga menjadi perlahan. Berikutan dari itu golongan belia, terutamanya pelajar-pelajar menjadi lebih lantang bersuara dan melakukan banyak demonstrasi dan perhimpunan-perhimpunan untuk menentang pihak pemerintah bagi memperbaiki keadaan yang buruk ini.

KEMUNCAK GERAKAN NASIONALISME: GERAKAN-GERAKAN RADIKAL TAHUN 1969-1972

Gerakan nasionalisme yang berkembang pada tahun 1960-an ini dikembangkan melalui penyebaran propaganda. Propaganda yang mereka sebarkan meliputi hal-hal

yang berhubung dengan permasalahan sosial, ekonomi dan politik Filipina. Oleh itu, propaganda-propaganda yang mereka sebarkan mengikut tradisi abad 19, tetapi golongan aktivis yang menjalankan propaganda ini bukan pertubuhan pelajar yang eksklusif tetapi dari kelas pertengahan dan rendah. Merekalah yang mengetuai gerakan-gerakan propaganda, demonstrasi dan kadang-kadang serangan-serangan menentang rentangan-rentangan kawat berduri (*barikada*) di atas jalanraya yang disediakan oleh pihak polis. *Barikada* ini diadakan untuk menyekat golongan belia yang berdemonstrasi daripada mara ke hadapan samada ke Kedutaan Amerika, pejabat-pejabat kerajaan atau parlimen. Penyebaran propaganda ini berlanjutan sepanjang tahun 1960 an hinggalah kepada pemogokan pelajar yang besar di awal tahun 1969.

In 1969 the rhetoric of revolution was already being shouted in the street. The student movement had previously been characterized by serving groups inclined to support the status quo, but the late 1960s spawned a variety of idealist and often ideologically defined organizations, among them patriotic youth, or *Kabataang Makabayan (KM)* of Maoist orientation, the Democratic Youth Organization, or *Samahan Ng Demokratiko ng Kabataan*, and the Bertrand Russell Peace Foundation, which tilted toward more classic Marxism, as well as several progressive Catholic groups. Student demands range from an end to U.S bases and constitutional revision, to agrarian reform and specific charges policies toward students. Demonstrators were simply anti Marcos and anti establishment. Many thousands protested the president's inauguration.⁷

Pertubuhan-pertubuhan pelajar yang menjalankan demonstrasi ini terbahagi kepada dua golongan yang besar iaitu kumpulan kiri dan kanan. Kumpulan-kumpulan kiri terdiri daripada *Kabataang Makabayan (KM)*, *Student Cultural Association (SCA)*, *Samahan ng Demokratiko Demokratikong Kabataang (SDK-Kesatuan Belia Demokratik)*, *Student Power Assembly of the Philippines (SPAP)* dan *Movement For Democratic Philippines (MDP)*. Kumpulan-kumpulan ini menentang beberapa perkara: menentang feudalisme (contohnya pemilikan, ketidakadilan sosial, perbezaan yang terlalu ketara antara golongan kaya dan miskin), fasisme (penggunaan tentera untuk mengongkong kebebasan awam) dan imperialisme (pengekalan pengkalan tentera Amerika dan lain-lain perkara). Bagi golongan kanan pula mereka mengharapkan kerajaan melakukan perubahan-perubahan yang asas di dalam negara. Anggota-anggota kumpulan kanan terdiri daripada *National Union of Student of the Philippines (NUSP)*, *Christian Social Movement (CSM)* dan *National Student League (NSL)*.⁸

Dengan adanya pertubuhan pelajar ini, gerakan-gerakan demonstrasi yang dijalankan lebih teratur. Bermula tahun 1966 membawa kepada tahun 1972 telah memperlihatkan susunan peristiwa-peristiwa demonstrasi yang benar-benar bersifat radikal. Demonstrasi yang awal dijalankan pada 24 Oktober 1966 menentang *Manila Summit Conference*. Demonstrasi ini diketuai oleh KM dengan tidak mendapat permit. Seramai 2,000 orang memegang sepanduk yang berbunyi *Johnson-Modern Hitler; Aggression, The name is Johnson: LBJ-Great Puppeteer; McNamara-Murderer, Rush-War Criminal*. Keganasan tidak dapat dibendung. Mereka mulanya berarak dari depan Kedutaan Amerika di Roxas Boulevard ke Hotel Manila dengan melaungkan *Yankee, go home!* Demonstrasi ini diakhiri dengan keganasan, di mana dua orang polis dan beberapa orang pelajar mendapat kecederaan. Seramai tujuh orang pelajar ditangkap dan enam orang telah didakwa.⁹

Perbicaraan telah dijalankan dan banyak maklumat diperolehi. Salah satunya ialah sebuah kumpulan pelajar dari *University of the Philippines* merancang satu lawatan ke China. Hal ini memeranjatkan pihak kongres. Wakil pelajar dari *University of the Philippines*, Jejomar Binay mengesahkan bahawa majlis pelajar menerima jemputan mengadakan lawatan selama tiga minggu ke negara China. Lawatan ini memenuhi jemputan yang menandakan persahabatan Filipina-China dan ianya tidak ada kena mengena dengan demonstrasi anti-Johnson pada 24hb Oktober. Walau bagaimanapun dengan demonstrasi yang radikal itu, pihak kongres telah menerima satu kejutan dengan mengetahui bahawa pihak komunis China menjalankan pengaruh yang kuat ke atas pemikiran pelajar-pelajar Filipina. Semasa perbicaraan, dikatakan bahawa kebenaran untuk berdemonstrasi hanya setakat depan Kedutaan Amerika, tetapi pemimpin buruh Ignacio Lascina telah menggesa pelajar-pelajar untuk mara ke Hotel Manila. Ini membuktikan bahawa unsur-unsur radikal oleh kumpulan-kumpulan buruh telah menggunakan pelajar-pelajar untuk mencapai cita-cita mereka.¹⁰

Dengan berkembangnya demonstrasi di Filipina kumpulan-kumpulan buruh telah menetapkan pendirian mereka. Setengahnya menjadikan kumpulan mereka sebagai cawangan dan setengahnya mengadakan pertalian dengan kumpulan-kumpulan belia dan pertubuhan-pertubuhan pelajar. Penyelarasan kumpulan-kumpulan radikal seperti MDP hanya bersama dengan kumpulan-kumpulan buruh yang radikal seperti *National Association of Trade Unions* (NATU) dan *National Federation of Labor Unions* (NAFLU). KM sebagai kumpulan bebas tetapi mengadakan pertalian dengan NATU dan *Philippine Workers' Council* (PWC). *Malayang Pagkakaisa ng Kabataang Pilipino* (MPKP) mempunyai pertalian dengan *Malayang Samahang Magsasaka* (Masaka/Pertubuhan Kebebasan Petani). Manakala bagi *Christian Social Movement* (CSM) mendapat sokongan buruh dari *Federation of Free Farmers* (FFF) dan *Federation of Free Workers* (FFW). *Trade Unions Council of the Philippines* (TUCP) atau *Pinagbuklod na Manggagawang Pilipino* dan pertubuhan-pertubuhan buruh perikatannya *Philippine Association of the Free Labor Unions* (PAFLU) tidak terlibat dalam mana-mana demonstrasi oleh kaum belia. *Pagkakaisa ng Mga Magbubukid sa Pilipinas* (PMP/Pertubuhan Petani-petani Filipina) secara tidak rasmi menganggotai kumpulan-kumpulan belia.¹¹ Dengan adanya perikatan dan hubungan pertubuhan-pertubuhan yang radikal ini menjadikan gerakan propaganda dan demonstrasi lebih bersemangat lagi.

Pada bulan Februari 1968 sekali lagi diadakan demonstrasi. Menurut laporan demonstrasi ini ditaja oleh *Movement for Advancement of Nationalism* (MAN) dan diadakan di hadapan Kedutaan Amerika. Tujuan mereka mengadakan demonstrasi kali ini adalah penentangan terhadap rancangan kerajaan memperuntukkan P35 juta untuk Philcag (*Philippine Civic Action Group*- penglibatan Filipina dalam perang Vietnam) kerana jumlah itu sangat besar dan ianya diuruskan oleh orang yang tidak berpengetahuan dalam hal ini. Antara pertubuhan-pertubuhan yang menyertai protes ini adalah Parti Komunis Filipina, KM, *Philippine Council of Bertrand Russell Peace Foundation*, Persekutuan Pertubuhan Buruh Kebangsaan, *Villegas Youth Movement*, *Democratic Youth League of Pampanga*, *Angeles City Council* dan pelajar-pelajar dari *University of the Philippines*, *Lyceum*, *Philippine College of Commerce*, *Philippine College of Arts and Trades*, *University of the East*, *Far Eastern University* dan *Ateneo University*.

Mereka berarak dari *Agripina Circle* di tengah-tengah kota Manila ke kawasan kongres di mana Presiden Marcos memberi ucapan dan dari sana langsung ke Plaza Miranda yang terletak di Quiapo, Manila. Perarakan menggunakan sepanduk yang mengandungi kata-kata:

*No more aggression thru Philcag
A puppet can never be great
Johnson - Modern Hitler
Vietnam - Daidig ng Mga Api
Marcos & Crisologo - Iloko Warlords
Ang Pilipino Muna
Pauwiin ang Philcag!*

(Tiada lagi kekerasan melalui Philcag
Boneka tidak akan menjadi agung
Johnson - Hitler moden
Vietnam - dunia api
Marcos & Crisologo - panglima Iloko
Masyarakat Filipina dahulu
Hapuskan Philcag)

Juga sambil berarak mereka melaungkan *MARcos PUPpet MARcos PUPpet MARcos PUPpet* (diejakan begini bagi menandakan bunyi syllable pertama perkataan di aksentuasikan dan syllable kedua mengekorinya). Kemudian ia diikuti dengan nyanyian lagu kebangsaan *Bayang Magiliw* (Negara Tercinta.....) yang mana ini dapat menaikkan lagi semangat mereka. Walau bagaimanapun demonstrasi ini diakhiri dengan keadaan yang aman, tidak ada rusuhan yang berlaku.

Walaupun bagaimanapun pada 28hb Januari 1969 berlakunya rusuhan pelajar di *Lyceum* (merupakan sebuah kolej swasta yang terletak berhampiran Lawton berdekatan dengan bandar Intramuros, Manila) yang mana ini menandakan satu fasa baru gerakan protes kaum pelajar. Mereka telah berani menyerang dengan menggunakan batu dan kayu, memecahkan tingkap, melaungkan permintaan mereka. Para penunjuk perasaan berkumpul di luar pagar utama *Lyceum* itu, mengganggu dengan manifesto dan sepanduk yang mengadap orang ramai sambil melaungkan permintaan mereka.

Daripada kejadian di *Lyceum* ini, gerakan oleh pertubuhan-pertubuhan pelajar ini bukan hanya setakat menyebarkan propaganda untuk menyedarkan masyarakat malah mereka juga bertindak melaungkan hak-hak mereka untuk mendapatkan kemudahan pelajaran yang lebih baik. Revolusi pelajar yang bermula di *Lyceum* ini berkembang dengan cepat ke lain-lain universiti seperti *Ateneo de Manila*, *de la Salle*, *Santo Tomas*, *University of Manila*, *University of the East*, *Manila Central University* dan lain-lain.

Di kebanyakan universiti yang menjalankan demonstrasi pada asasnya memusatkan permintaan-permintaan mereka kepada perkara-perkara yang melibatkan kebajikan pelajar. Yuran pengajian yang melampaui batas menduduki senarai teratas tuntutan mereka. Kebanyakan pelajar mahukan yuran dikurangkan kerana mereka tidak mampu lagi untuk membayar yuran pengajian yang begitu tinggi. Mereka

menyadari bahawa pembayaran yuran yang tinggi menandakan bahawa pelajaran adalah terhad kepada golongan kaya sahaja.¹²

Pelajar-pelajar *Far Eastern University* mencela pembayaran yuran yang melampaui batas dalam satu demonstrasi yang besar yang mengganggu perjalanan pengajian selama dua hari. Ianya diketuai oleh presiden pergerakan reformasi pelajar, Napis B. Bidin dan presiden organisasi pelajar, Martin P. Dino Jr. Walau bagaimanapun demonstrasi ini hanya menyelesaikan beberapa permintaan sahaja tetapi tidak penurunan yuran pelajaran. Selepas itu satu siri demonstrasi dijalankan oleh pelajar-pelajar dari 14 buah kolej dan universiti di depan istana Malacanang dan kongres yang kesemuanya melaungkan penurunan yuran pelajaran.

Pada 27 Januari 1969, semasa presiden menyatakan kepada kongres tentang *The State of the Nation* iaitu perisytiharan dasar-dasar negara yang disampaikan presiden Filipina. Dasar ini disampaikan di kongres Filipina pada setiap tahun. Dalam demonstrasi ini pelajar-pelajar juga mengisytiharkan versi mereka sendiri tentang *The State of the Nation*. Seramai 6,000 ahli Kesatuan Kebangsaan Pelajar berhimpun di hadapan Kongres untuk melakukan perkara itu.¹³ Mereka mempunyai alasan yang cukup baik untuk membenci *The State of the Nation* yang diisytiharkan oleh Presiden. Mereka menyatakan bahawa negara mereka bukannya *A Great Nation*, memang tidak boleh diharapkan menjadi *great*, jika keadaan yang wujud pada masa itu masih berkekalan. Sebab itulah manifesto NUSP pada masa itu berbunyi:

To those who manage the state of the nation, we say this is the first time to act, because there is no other time to act but now. And, until such time, we will not rest because this is not our time to rest.¹⁴

Perkara utama yang menjadi pokok protes di sini ialah pengabaian pihak kerajaan dalam peruntukan pelajaran. Isu ekonomi yang berkembang semasa protes pelajar menyebabkan berlakunya dilema yang lebih besar. Bencana akibat kekurangan wang, sukar bagi kerajaan untuk memberi lebih peruntukan kepada sistem pendidikan.

Di sebabkan banyaknya demonstrasi pelajar, Ahli Senat Akademik telah membincangkan sebab-sebab kegelisahan pelajar ini. Senator Eva Estrada Kalaw, ketua Jawatankuasa Pendidikan, menyatakan bahawa yuran pelajaran, buku-buku teks, perpustakaan, kemudahan asrama dan lain-lain perkara yang memberi kesan kepada kebajikan pelajar akan dibincangkan. Pada masa yang sama, Presiden Marcos mengarahkan Setiausaha Kewangan Eduardo Z. Romualdez dan Setiausaha Pendidikan Onofre D. Corpuz untuk menyiasat sekolah-sekolah swasta dan universiti-universiti untuk menentukan sama ada mereka mengenakan yuran pengajian yang berlebihan. Presiden juga mencadangkan kepada kongres dalam *The State of the Nation* yang dikemukakannya memasukkan wakil-wakil pelajar dalam badan sekolah-sekolah milik atau kawalan kerajaan seperti *University of the Philippines*. Bersama dengan ini Presiden juga mencadangkan Suruhanjaya Belia Kebangsaan ditubuhkan yang akan mengatasi masalah pelajar-pelajar dan belia.¹⁵

Tahun 1969 ini juga bukan sahaja menunjukkan demonstrasi di kalangan pelajar yang berkaitan dengan permasalahan pelajar sahaja malah permasalahan yang dialami oleh kaum tani juga ditimbulkan. Ini ada kaitannya dengan rancangan reformasi tanah yang dijalankan di beberapa kawasan pulau Luzon dan kepulauan Visayas. Walau bagaimanapun program ini tidak diselaraskan. Projek-projek penempatan semula

meliputi kawasan seluas 383,603 hektar yang mengandungi 29,790 lot pertanian dan 37,627 lot rumah. Dalam projek ini 23,573 keluarga tani berjaya ditempatkan semula. Walau bagaimanapun ia merupakan sebahagian kecil sahaja. Ramai lagi petani yang masih mengalami penindasan. Dasar melindungi keluarga petani miskin yang menjadi mangsa penindasan oleh orang-orang kaya dan pembalak-pembalak dan tuan-tuan punya ladang juga diteruskan.¹⁶

Rasa tidak puashati akibat penyelarasan yang tidak baik ini mencetuskan demonstrasi oleh kumpulan-kumpulan petani dari Tarlac, Pampanga, Rizal dan Nueva Ecija serta golongan proletarian di bandar. Perarakan lebih kurang 110km menuju ke Manila telah diadakan untuk menuntut kerajaan melakukan sesuatu bagi menamatkan penderitaan mereka. Ianya bermula dengan kemunculan lebih kurang 10,000 orang penduduk Tarlac yang disertai oleh ahli-ahli KM pada 18 April yang berarak menuju ke Kongres, Malacanang dan Kedutaan Amerika.¹⁷ Walau bagaimanapun perarakan oleh kaum petani ini dapat disekat apabila Presiden Marcos sendiri pergi menemui mereka sebelum sempat sampai ke Manila.

Tahun 1970, penunjuk-penunjuk perasaan menjadi lebih agresif lagi, lebih-lebih lagi pada suku pertama tahun 1970 atau lebih dikenali sebagai *First Quarter Storm*. *First Quarter* bermaksud suku pertama tahun 1970 dan *storm* dimaksudkan dengan peristiwa-peristiwa demonstrasi yang boleh menggugat kestabilan politik Filipina. Ia dimulai dengan demonstrasi yang dipanggil sebagai *The January 26 Movement*. Demonstrasi ini dianjurkan oleh NUSP. Objektif utamanya adalah untuk meminta *A non partisan constitutional convention in 1971*. Walau bagaimanapun demonstrasi ini tidak hanya disertai oleh NUSP seperti yang terdapat dalam permit tetapi disertai juga oleh golongan belia yang lebih radikal seperti KM, SDK, MPKP, KKM, serta kumpulan pekerja atau buruh seperti NATU, pertubuhan petani seperti MASAKA. Kaum buruh adalah golongan yang lebih agresif. Perjuangan mereka adalah berasaskan kepada revolusi.

The class leadership in the Philippine revolution is now in the hands of the working class. A proletarian revolutionary leadership, guided by Marxism-Leninism-Mao Tse Tung's thought, is what makes the people's democratic revolution a new type of national- democratic revolution. We are now in the world era in which US imperialism is moving towards world triumph. By adopting Mao Tse Tung thought as the supreme guide for our revolutionary actions, we cleanse the vanguard party of its weakness (as presented by the document of rectification, Rectify Errors and Rebuild the Party) and strengthen it to become the invincible force at the core of the revolutionary mass movement.¹⁸

Dalam *The January 26 Movement* ini, ketua kesatuan buruh telah bertindak seperti hero yang berani. Mereka melaungkan *Rebolusyon! Rebolusyon! Rebolusyon!* yang merupakan laungan yang bersemangat mengajak masyarakat menyertai revolusi mereka. Akhirnya bermula pertempuran secara terbuka dengan pihak polis yang mengawal di sekeliling. Penunjuk-penunjuk perasaan mula membaling batu ke arah kereta-kereta yang berhampiran. Walau bagaimanapun mereka melarikan diri apabila pihak polis melakukan serbuan.¹⁹ Keganasan pada masa ini secara amnya memperlihatkan penglibatan golongan belia, yang menyuarakan amaran bahawa suara mereka ini lebih lantang dari sebelumnya, yang membawa maksud mereka tidak mahu lagi penindasan.

Selang beberapa hari berlaku satu lagi demonstrasi iaitu pada 30 Januari 1970 dan pihak polis menggelarnya sebagai pemberontakan rakyat menentang kerajaan

secara terbuka dan Presiden Marcos menggelarnya sebagai penentangan yang keras iaitu penentangan komunis Mao tempatan. Demonstrasi yang dijalankan bermula dengan balingan batu ke arah lampu-lampu di luar istana Malacanang dan huru-hara juga tertumpu di pagar Mendiola (istana Malacanang) dan Jalan J.P Laurel. Pelajar-pelajar menguasai Jalan M. Arguila, Jalan Legarda dan juga Jalan Claro M. Recto. Pihak polis dan lain-lain anggota keselamatan terpaksa menggunakan kekerasan bagi mengawal kekacauan. Demonstrasi ini berkesudahan dengan empat orang pelajar mati dan seramai 300 orang ditahan di Kem Crame. Presiden Marcos dalam ucapannya mengatakan bahawa 'kepada elemen pemberontakan, sebarang percubaan untuk menggulingkan kerajaan akan diketepikan. Saya tidak akan bertolak ansur juga tidak membenarkan pihak komunis untuk mengambil alih pentadbiran'.²⁰

Setelah penangkapan itu kota Manila sunyi buat beberapa hari dari kegiatan demonstrasi. Pada 12 Februari 1970, satu perhimpunan secara besar-besaran tanpa keganasan telah diadakan di Plaza Miranda. Antara pertubuhan-pertubuhan yang turut serta adalah KM, SDK, MPKP, KKM, KKD, NATU, Parti Sosialis Filipina, *Youth Anti-Fascist League* dan beberapa kumpulan lain. Sebab utama mereka mengadakan demonstrasi ini adalah untuk menentang pembayaran gaji yang terlalu rendah yang diberikan oleh tuan-tuan punya ladang ke atas pekerja-pekerja mereka. Boleh dikatakan bahawa demonstrasi kali ini adalah anti-feudalisme.

Demonstrasi secara aman ini tidak mendapat apa-apa tindakbalas dari pihak berkuasa dan diikuti dengan satu lagi demonstrasi di Plaza Miranda, yang diakhiri dengan perarakan ke Kedutaan Amerika. Gerakan ini dikenali sebagai pertemuan duluan sebelum revolusi (*a miting de Avance de la Revolucion*) dan setengahnya pula mahukan ia dipanggil sebagai persidangan rakyat (*People's Congress*). Rapat umum diadakan dan diikuti dengan perarakan secara beramai-ramai ke Kedutaan Amerika. Setelah tiba di Kedutaan Amerika mereka melaungkan *Ibagsag ang imperyalismo! Makibaka Huwag Matakot*. (Jatuhkan Imperialisme), (Mara! Jangan Takut). Pada masa itu semua penunjuk perasaan telah berkumpul di depan Kedutaan Amerika. Untuk mengatasi keganasan, pihak keselamatan telah melepaskan gas pemedih mata. Akhirnya perhimpunan dapat disuraikan.

Pada 3 March 1970, diadakan satu perhimpunan yang dipanggil sebagai *People's Protest March*,²¹ disertai oleh petani-petani, buruh bandaran (pemungut-pemungut sampah), penjaja jalanan dan juga orang ramai. Bagi KM, protes ini penting terutamanya kepada golongan petani. Bagi KM masyarakat Filipina telah menjadi semi-feudal dan semi-kolonial. Filipina mempunyai jumlah masyarakat petani yang besar dengan itu pergerakan untuk menentang fenomena ini seharusnya mendapatkan sokongan masyarakat petani yang ditindas itu.

Kaum petani ini juga dikatakan sebahagian *silent society* iaitu istilah kepada golongan masyarakat yang tidak bekerja, petani-petani dan pekerja-pekerja yang tidak mendapat bahagian yang sewajarnya dari kekayaan negara. Nasib mereka inilah yang harus diperjuangkan. Perarakan berlangsung dengan begitu bersemangat dan diakhiri dengan perarakan ke Kedutaan Amerika dengan seruan *Makibaka! Huwag Matakot!* (Mara! Jangan Takut). Namun perarakan mereka telah disekat oleh pihak polis yang bertindak lebih kasar dan sanggup mencederakan penunjuk-penunjuk perasaan.

Kejayaan mengumpulkan begitu ramai penyokong untuk mengadakan demonstrasi telah menggalakkan diadakan sekali lagi demonstrasi untuk memperjuangkan hak *silent society* tadi. Demonstrasi ini melalui jalan-jalan ke

Manila, berarak dengan menggunakan lakonan secara berkumpulan (*ensemble*) melalui bandar-bandar Makati, Rizal, Tondo dan Espana Extension Rotonda. Demonstrasi yang diadakan kali ini digelar sebagai *Anti Poverty March* yang dijalankan pada 17 March 1970. Bagi mereka pembangunan mesti dikongsi bersama, ianya bukan hanya untuk golongan yang kaya sahaja. Ketidakadilan sosial adalah hasil daripada tidak semua orang mendapat haknya.²²

Demonstrasi kali ini juga mencetuskan keganasan di mana pada jam 10.00 malam, penunjuk-penunjuk perasaan tiba di depan *University of the East*. Sekumpulan penunjuk perasaan mula membakar unggun api di tengah-tengah bandar Recto (salah sebuah bandar di Manila). Tentera mara ke jambatan dengan senjata dan pakaian seragam seolah-olah bersiap sedia untuk berperang. Para penunjuk perasaan pula cuba mendapatkan gas dari stesyen minyak yang berhampiran dan lain-lain penunjuk perasaan mara ke Jambatan Mendiola. Bagi mengelakkan kejadian yang lebih buruk lagi berlaku, gas pemedih mata telah dilepaskan oleh pihak tentera ke arah penunjuk-penunjuk perasaan.²³

Pada tahun 1971, terdapat satu demonstrasi yang besar yang dilakukan di Kalookan. Kalookan adalah bandar bermulanya revolusi Filipina pada tahun 1896. Pada 5 Oktober 1971, demonstrasi dilakukan oleh golongan belia untuk mengulangi tradisi revolusi yang menjadi tapak kepada perjuangan kemerdekaan Filipina. Mereka berarak dari Plaza Moriones melalui Calle Juan Luna hingga ke sempadan Manila-Kalookan di mana sejumlah besar orang-orang yang menyokong tunjuk perasaan telah sedia menunggu. Bersama-sama mereka adalah senjata, batu-batu dan bom-bom buatan sendiri. Peperangan dengan pihak polis dan tentera berlaku apabila beberapa biji bom diletupkan. Walau bagaimanapun pihak polis yang mempunyai peralatan yang lebih lengkap dapat menewaskan penunjuk-penunjuk perasaan itu dan mereka bertaburan menyelamatkan diri dari ditangkap. Laporan akhbar menyatakan seramai empat orang mati terbunuh dalam pertempuran ini.²⁴

Ahli politik juga turut sama menerima bahang dari zaman kekacauan ini. Ianya adalah pertentangan antara dua pihak, satu pihak menyuarakan sentimen-sentimen seperti eksploitasi dan penindasan ke atas masyarakat yang lemah. Penindas-penindas pula menyokong kuasa kerajaan dikekalkan. Masing-masing cuba mempertahankan pendirian mereka.²⁵ Misalnya pihak Parti Liberal yang tewas di tangan Parti Nasional pada tiga pilihanraya tahun 1965, 1967 dan 1969 sentiasa menjadi pembangkang kepada dasar-dasar kerajaan. Satu kejadian yang tidak dapat dilupakan ialah perhimpunan anjuran pembangkang yang berlangsung di Plaza Miranda pada 21 Ogos 1971 yang dianggap sebagai tahun keganasan di mana perhimpunan ini diakhiri dengan keadaan yang sungguh mengerikan. Dua biji grenade telah meletup yang mengakibatkan sembilan tubuh hancur dan lain-lain mendapat kecederaan termasuk orang-orang atasan Parti Liberal.

Tahun 1972 juga dibuka dengan satu lagi demonstrasi yang berlangsung pada 24 Januari 1972, yang menggabungkan kumpulan Demokrasi Nasional (*National Democratic Group*) dan kumpulan pertengahan. Demonstrasi dilakukan di hadapan kongres. Apabila Marcos keluar dari Kongres kedengaranlah laungan *Marcos-Hitler-Diktator-Tuta dan Ibagsag ang Teroristang Papel ng Imperyalismong Amerikano* (Jatuhkan Keganasan Imperialisme Amerika). Apa yang mereka suarakan adalah kemiskinan massa, fasisme dan eksploitasi. Turut disampaikan juga adalah permintaan-permintaan masyarakat Filipina. MDP menyampaikan sepuluh permintaan

yang akan menyelesaikan masalah kemiskinan dan memberhentikan penindasan politik, lebih-lebih lagi orang ramai menyedari bahawa *state parliamentary* telah mengabaikan mereka.²⁶

Semangat menegakkan kebenaran semakin berkobar-kobar. Oleh itu pada 20 Mei 1972, lahirnya sebuah suruhanjaya yang diketuai oleh Oyie Javate dari MDP yang mempunyai tiga matlamat: menanam kesedaran politik kepada masyarakat dan mendapatkan sokongan mereka tentang banjiriran orang-orang Vietnam; untuk menghubungkan imperialis Amerika, eksploitasi dan penindasan di Filipina dan lain-lain negara di dunia; dan sokongan kepada peperangan masyarakat sebagai jawapan kepada pencerobohan imperialis Amerika. Perarakan yang diadakan begitu bersemangat sekali. Mendahului adalah pertubuhan-pertubuhan yang berpusat di Manila, paderi-paderi lelaki dan wanita, kemudian delegasi dari selatan Luzon dengan petani-petani lelaki dan perempuan kemudian kontijen dari tengah Luzon, suku bukit (*tribesman*) dan akhir sekali perarakan mereka yang datang dari Monumento, Manila.

Apabila Bal Pingel dari KM dengan bangga memberi ucapannya, orang ramai mula menyanyikan lagu kebangsaan. Masa yang sama jeepney-jeepney (kenderaan awam masyarakat Filipina) mara menuju ke tempat itu. Pihak polis menyarankan kepada pemandu-pemandu jeepney agar tidak mara ke situ. Walau bagaimanapun suasana itu dikejutkan dengan satu letupan. Jeritan orang ramai mula kedengaran. Gas pemedih matapun turut dilepaskan mengakibatkan para penunjuk perasaan bertaburan melarikan diri dari serangan polis. Kesusakan menyebabkan ada yang sesak nafas, terjatuh, terhimpit dan dipijak. Demonstrasi ini ditamatkan dengan kira-kira 70 orang aktivis dimasukkan ke *City Jail*. MDP dalam kenyataan akhbar selepas dua hari peristiwa itu mengutuk pengabaian hak demokrasi masyarakat dan kebiadaban fasist yang dipamerkan oleh tentera kerajaan dan polis tentera yang meleraikan perhimpunan secara ganas.²⁷

Memandangkan bahawa segala keganasan yang berlaku ini mengkuar-kacirkan negara dan bagi mengatasi hal ini Presiden Marcos telah mengenakan Undang-undang Tentera (*Martial Law*) yang mengakibatkan terhentinya segala aktiviti yang bersifat anti-pemerintah.

KESIMPULAN

Jelas bahawa tahun 1960 an hingga tahun 1970 an kekacauan begitu ketara di Filipina. Kelantangan suara-suara penentangan terhadap kerajaan dilakukan di mana-mana sahaja. Tidak cukup setakat menyebarkan propaganda-propaganda diadakan juga demonstrasi-demonstrasi. Memandangkan semangat yang begitu membara, demonstrasi-demonstrasi yang dilakukan kadang-kadang diakhiri dengan keganasan yang mana berlakunya pertempuran dengan pihak polis. Selalunya ia berakhir dengan kemenangan di pihak polis yang menggunakan berbagai cara untuk membenteras demonstrasi-demonstrasi yang dijalankan.

Begitulah hebatnya desakan-desakan rakyat dalam melaungkan hak mereka. Walau bagaimanapun desakan-desakan masyarakat ini sebenarnya berpunca dari kesedaran yang dilaungkan oleh golongan belia termasuk pertubuhan-pertubuhan pelajar dan juga pertubuhan-pertubuhan belia yang radikal. Keradikalan kumpulan-kumpulan belia ini menjadi lebih ketara lagi seperti pertubuhan buruh dan juga pertubuhan petani. Dengan adanya gabungan ini menjadikan gerakan tunjuk perasaan

menjadi lebih terancang lagi dengan gerakan-gerakan diketuai oleh golongan belia khususnya pelajar. Mereka mewakili masyarakat massa yang memperjuangkan kebajikan untuk masyarakat massa Filipina secara keseluruhannya.

NOTA:

1. Teodoro A. Agoncillo, *Filipino Nationalism 1872-1970*, Quezon City, R.P. Garcia Publishing Company, 1974, hal. 2.
2. Ibid., hal. 3.
3. Alice Guillermo, *Social Realism In the Philippines*, Manila, Ashpodel Publishing, 1987, hal. 7.
4. Rodolfo Tupas, 'Causes and Reflects of Poverty', *Sunday Times Magazine*, Manila, The Manila Times Publishing Co. Inc., April 1970, hal. 10.
5. Frank Golay, 'Economic Nationalism: The Drive To Filipinize', *Solidarity*, Manila, Solidaridad Publishing House, Vol. VII, No. 2, Sept. 1972, hal. 2.
6. Lorenzo M Tanada, 'Nationalism and the development of our National Economy', *The Philippine Collegian*, Manila, University of the Philippines, Volume XXI, No. 19, October 26, 1966, hal. 7.
7. David Wurfel, *Filipino Politics: Development and Decay*, Quezon City, Ateneo de Manila University Press, 1988, hal. 107.
8. Rodolfo Y. Rogodon, 'Student Organizations and Their Affiliates', *Sunday Times Magazine*, Manila, The Manila Times Publishing Co. Inc, February 1970, hal. 33.
9. Jose Lacaba, *Days of Disquiet, Night of Rage: The First Quarter Storm and Related Events*, Manila, Salinlahi Publishing House, 1982, hal. 30.
10. Ibid., hal. 36.
11. Rogodon, 'Student Organizations And Their Affiliates', hal. 23.
12. Robert B. Roldan, 'Resume On the Young Rebels', *Sunday Times Magazine*, Manila, The Manila Times Publishing Co. Inc, March 16, 1969, hal. 30.
13. Alfredo Jr. Salanga, 'Paris In Manila: Impressions and Reflectios On the January Student Rebellion', *Action Now*, Manila, Social Communication Center Inc., Vol.I, No.16, Februari 22, 1969, hal. 32.
14. Alfredo Salanga Jr. 'The State of A Nation In Crisis', *Action Now*, Social Communication Center Inc., Manila, Vol.I, No.13, Februari 1, 1969, hal. 18.
15. M. Q. Sison, 'The Rise of Student Power', *Weekly Nation*, Manila, Makabayan Publishing Corp. Manila, Vol.I, No.13, Februari 10, 1969, hal. 3.
16. Conrado F. Estrella, 'The Filipino Answer To Revolution', *Solidarity*, Manila, Solidaridad Pulishing House, Vol.IV, No.4, April 1969, hal. 71.

17. E.P. Patanne, 'The March of the Peasants', *Weekly Nation*, Manila, Makabayan Publishing Corp., Vol.IV, No.38, May 12, 1969, hal.2.
18. *The Philippine Collegian*, University of the Philippine, Quezon City, January 15, 1970, hal. F.
19. Lacaba, op.cit., hal.70.
20. Ibid, hal. 84.
21. Recah Trinidad, 'The Long March', *Sunday Times Magazine*, Manila, The Manila Times Publishing Co. Inc, March 22, 1970, hal.10.
22. Tupas, Rodolfo, 'Causes and Reflections', *Sunday Times Magazine*, Manila, The Manila Times Publishing Co. Inc., April 5, 1970, hal.1.
23. Recah, Trinidad, 'The Case Against Poverty', *Sunday Times Magazine*, Manila, The Manila Times Publishing Co. Inc., April 5, 1970, hal.22.
24. Jose, Lacaba, op.cit, hal.165.
25. Millet G., Martinez, 'Plaza Miranda 1971', *Sunday Times Magazine*, Manila, The Manila Times Publishing Co. Inc., Vol.XXI, No.36, June 20, 1971, hal.42.
26. Oligario Vicente, 'State of the Nation '72 and Another Drama Begins', *Action Now*, Manila, Social Communication Center Inc., Vol.IV, No.II, Februari 26, 1972, hal. 13.
27. Lacaba, 'Days of Disquiet', hal.177.